

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 Julai 2007

SOALAN

Y.B. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian menjalankan apa-apa program kaunseling yang menjurus kepada kelompok kumpulan suri-suri rumah tangga yang sering dilaporkan menghadapi tekanan dalam rumah tangga dan keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa golongan suri rumah sentiasa berdepan dengan pelbagai masalah seperti masalah psikologi, ekonomi, dan sosial. Wujudnya masalah-masalah ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor luaran dan dalaman keluarga itu sendiri. Keadaan ini telah memberi tekanan emosi dan psikologi kerana mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai situasi dan karenah ahli keluarga demi menjamin kesejahteraan keluarga. Justeru, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberikan bimbingan dan bantuan yang secukupnya bagi membantu atau meringankan beban golongan suri rumah terutama untuk mengurus tekanan yang dihadapi dalam menjalani kehidupan seharian. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan beberapa program yang menjurus kepada pengurusan tekanan kepada semua wanita termasuklah wanita yang bekerja dan juga suri rumah. Program tersebut dijalankan secara sendirian oleh Jabatan Pembangunan Wanita ataupun secara kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Negeri dan Kawasan Parlimen atau dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program ini dilaksanakan dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, ilmu keibubapaan (termasuk pengurusan kewangan keluarga), kepimpinan, pengurusan tekanan dan pengurusan konflik yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti wanita termasuk suri rumah. Mulai bulan Januari hingga Jun 2007, pihak Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan dua (2) program Pengurusan Tekanan iaitu Program “Wanita Bijaksana, Keluarga Sejahtera” yang diadakan di Johor dan Program “Sejahtera Diri, Kerja Berkualiti” yang melibatkan semua golongan wanita sama ada yang bekerja ataupun suri rumah. Objektif utama program tersebut adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran wanita dengan menggunakan kaedah yang berkesan dalam pengurusan tekanan melalui pendekatan psikologi kaunseling. Peserta-peserta didedahkan kepada pelbagai kemahiran kaunseling untuk mengendalikan permasalahan yang timbul dalam keluarga. Bantuan dari sudut pengukuhan psikologi wanita juga disediakan iaitu dengan memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Perkhidmatan ini disediakan oleh JPW ibu pejabat dan di 13 buah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh negara. Sesi bimbingan dan kaunseling tersebut antara lain bertujuan untuk memulihkan dan mempertingkatkan keyakinan wanita agar mereka bermotivasi untuk merencana masa depan mereka dan anak-anak. Selain itu, mereka juga dapat menguruskan tekanan yang dihadapi dengan lebih bijak dan berkesan tanpa menjadikan tekanan tersebut sebagai punca ketidakseimbangan keharmonian keluarga.

